

20/05/2001

Surat dari Tokyo

TIADA berita menarik dalam dua akhbar harian Inggeris di sini.

Tiada cerita pertengkaran dan pertarungan politik, kemalangan jalan raya, pendatang haram, macam-macam pelanggaran undang-undang dan jenayah seperti dalam akhbar kita setiap hari. Membandingkan hal ini, terasa seolah-olah kita berada dalam masyarakat tidak bertamadun, meskipun negara kita antara yang termaju di kalangan negara-negara Dunia Selatan.

Jadi saya pergunakan masa untuk meneliti surat-surat daripada pembaca. Kebanyakannya meluahkan perasaan marah, dendam dan kecewa. Ada yang mencabar atau meminta saya menulis tajuk-tajuk tertentu. Ada yang tak bernama. Ada juga tanpa tanda tangan dan alamat lengkap. Ulasan paling panjang datang daripada Ummi `Adlin binti Daud', tiada alamat lengkap, namun ditaip kemas, bersih dan penyampaiannya serius.

Di bahagian akhir Ummi mencabar: "Cuba saudara dengan terus terang menyebut apa yang tidak betul yang dilakukan oleh Dr Mahathir. Cakap dan tulis secara terbuka. Saya bimbang sebelum kering dakwat saudara, hak untuk menjadi penulis dalam akhbar akan tertutup. Apakah itu juga menjadi kebimbangan saudara?"

Komen ini mengingatkan saya kepada cakap seorang kenalan lama - guru lepasan universiti - yang mengatakan tulisan saya `tidak cukup berani dan tidak cukup tajam' dibandingkan dengan Perspektif dalam Dewan Masyarakat dulu. Tetapi saya rasa tulisan saya sekarang lebih kasar.

Katanya lagi: "Tulisan Datuk berat pada satu pihak." Cikgu ini, penyokong kuat Anwar, seperti juga Ummi, cuba mencabar dan mahu saya lebih `berani' mengkritik Dr Mahathir, Umno dan kerajaan.